



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan **"Selamat Tahun Baru Masihi 2006"** kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

Dengan tulus ikhlas Jabatan Perdana Menteri juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan dan taat setia yang berterusan serta tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga sumbangan ikhlas yang diberikan sepanjang tahun 2005. Kerjasama dari semua pihak dalam Perkhidmatan Awam telah menyumbang kepada keamanan, keselamatan serta pembangunan negara dalam usaha berterusan kita untuk meningkatkan lagi kesejahteraan serta kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Tahun 2005 menyaksikan banyak perubahan dalam pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan perantikan ahli-ahli Menteri-Menteri Kabinet baru pada 24 Mei 2005. Dengan perubahan ini Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam adalah diseru untuk lebih bergiat lagi dalam usaha untuk mencapai matlamat dan wawasan Kementerian masing-masing.

Kenaikan harga minyak yang berlaku dalam tahun 2005 telah dapat meningkatkan hasil pendapatan dan hasil cukai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Meskipun demikian Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah diseru untuk lebih bertanggungjawab dalam penggunaan kuasa tenaga elektrik dengan mengamalkan penjimatan penggunaan dan mengurangkan pembaziran. Adalah dihasratkan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menjadi contoh dan teladan serta memberi kepimpinan dalam usaha Kerajaan untuk menjimatkan penggunaan kuasa tenaga. Penjimatan penggunaan kuasa tenaga dari semua pihak akan dapat menjamin bahan-bahan bakar tersebut seperti minyak dan gas dapat dinikmati dengan berterusan ke generasi-generasi yang akan datang.

Tahun 2005 juga merupakan tahun yang pesat dalam penerapan teknologi info-komunikasi dalam usaha meningkatkan lagi pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Berbagai projek e-Kerajaan telah berhasil



dilancarkan dalam beberapa peringkat sementara sebahagian masih lagi dalam proses perlaksanaan.

Mulai tahun 2006 ini cabaran utama kita dalam Perkhidmatan Awam ialah untuk membuktikan bahawa usaha-usaha e-Kerajaan yang menelan belanja hampir satu billion ringgit itu benar-benar memberikan faedah kepada pelanggan-pelanggan kita dan bukan semata-mata proses "computerisation" bagi kemudahan pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja. Ini akan memerlukan pembaikan proses dan peralihan tata-cara dalam melaksanakan tugas seharian kita khususnya perubahan minda terhadap pekerjaan.

Alhamdulillah pada tahun 2005, Program Pensejajaran telah dapat dilaksanakan di mana Kementerian-Kementerian telah berkongsi Perancangan Strategik mereka. Langkah seterusnya ialah untuk mengenal-pasti "common issues" yang merentas Kementerian atau Jabatan dan mencari jalan bagi sama-sama menangani isu berkenaan supaya ia dapat diuraikan tanpa menjejaskan objektif utama Perancangan Strategik masing-masing Kementerian atau Jabatan. Ini mungkin memerlukan kita untuk mengenal-pasti satu "focal agency" sebagai penyelaras bagi isu-isu berkenaan. Hanya dengan adanya langkah-langkah susulan ini sahaja usaha Pensejajaran ini akan berhasil mengatasi masalah-masalah bertindih-tindih (overlapping) yang antarlain menyebabkan kelambatan-kelambatan dalam proses-proses pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Pada waktu yang sama, dalam perlaksanaan Perancangan Strategik itu, setiap organisasi hendaklah menilai semula proses-proses, struktur serta rancangan perkembangan sumber manusianya untuk memastikan Perancangan Strategik itu akan dapat berjalan dengan baik.

Perkhidmatan Awam dimana-mana jua tidak akan lepas dari aduan dan sungutan orang ramai. Ini hendaklah sentiasa diperhatikan dan dijadikan sebagai asas untuk kita meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kita. Ke arah itu kerjasama antara semua agensi Kerajaan adalah penting supaya kita dapat bertindak secara bersepadu dengan mengelakkan mana-mana proses yang bertindih-tindih. InsyaAllah pada tahun 2006 ini beberapa program akan diunkayahkan dalam usaha berterusan kita untuk meningkatkan dan memperbaiki lagi mutu Perkhidmatan Awam. Matlamat kita ialah untuk menjadikan Perkhidmatan Awam ini benar-benar mesra dan mudah untuk pelanggan. Penumpuan akan diberikan bukan sahaja kepada pelanggan luaran tetapi juga pelanggan dalaman kerana proses pemberian perkhidmatan kepada pelanggan luaran adalah bergantung kepada mutu perkhidmatan kepada pelanggan dalaman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-59 tahun pada 15 Julai 2005 iaitu **"...Apa yang Beta mahu, semua perkara yang mudah mestilah dipercepatkan pengendaliannya, sementara perkara yang lebih kompleks pula, juga hendaklah diusahakan seberapa yang boleh, untuk dipermudahkan prosesnya..."**. Bertolak dari titah Baginda tersebut, jentera Perkhidmatan Awam perlulah lebih "accountable" dan



bertanggungjawab dengan sentiasa secara berterusan membuat penilaian kemajuan, review, pemantauan, "post mortem" terhadap program atau projek agensi masing-masing.

Di samping itu, usaha-usaha pembaikan dan pembaharuan organisasi juga akan diteruskan melalui program-program yang telah berjalan pada masa ini di samping meningkatkan daya inovasi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam. Penyertaan setiap warga Perkhidmatan Awam dalam memberikan saranan dan pandangan adalah sangat dialu-alukan. Sumbangan sedemikian memang telah diperolehi melalui program seperti Kumpulan Kerja Cemerlang tetapi ia perlu dipertingkatkan lagi melalui kaedah-kaedah inovasi yang lain. Setiap organisasi juga mestilah mewujudkan budaya yang membolehkan penyertaan kakitangannya dalam memperbaiki perkhidmatan organisasi berkenaan.

Dari segi individu pula, setiap warga Perkhidmatan Awam adalah dinasihatkan supaya mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka secara berterusan tanpa menunggu arahan dari organisasi masing-masing. Ini bukan sahaja terhad kepada bidang pekerjaan tetapi juga kerohanian. Usaha ini boleh dilakukan dengan membanyakkan pembacaan dan interaksi sesama warga Perkhidmatan Awam atau melalui kemudahan-kemudahan teknologi masa kini. Di samping itu kita juga hendaklah menjadi warga yang sihat dengan mengamalkan cara hidup yang sihat serta sentiasa peka dan bertanggungjawab kepada kesihatan keluarga dan kebersihan persekitaran kita. Kita juga mestilah mengamalkan sikap berjimat cermat dari segi kewangan peribadi dan mengubah cara hidup dari "pengguna" kepada "penabung" semata-mata untuk menjamin kebebasan kewangan (financial freedom) di masa depan. Ketiga amalan ini akan memberikan kestabilan mental, rohani dan jasmani dan dapat membantu memantapkan individu Perkhidmatan Awam sebagai seorang pekerja yang lengkap dan lebih kompetitif. Sekaligus ia akan membolehkan kita untuk memberikan penumpuan terhadap pemberian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan. Pada waktu yang sama setiap warga Perkhidmatan Awam juga hendaklah tidak mengabaikan peranan mereka sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab dengan melibatkan diri secara aktif dalam institusi-institusi kemasyarakatan dan kebajikan seperti Jawatankuasa Takmir Masjid, Jawatankuasa Kejiranan Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan lain-lain semata-mata dengan hasrat untuk memberi nilai tambah kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Sukacita menarik perhatian semua warga Perkhidmatan Awam termasuk Pasukan Polis Di-Raja Brunei, Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei dan Ahli-Ahli berpakaian seragam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada kandungan Surat Keliling Jabatan ini bilangan 14/ 1985 untuk tidak melibatkan diri dalam mana-mana parti atau pertubuhan politik. Penguatkuasaan ini adalah lumrah diamalkan di mana-mana negara demokratik dengan tujuan untuk menjaga integriti Perkhidmatan Awam dan kepentingan kewajipan-kewajipan awam. ۞



Akhirnya sekali lagi diucapkan Selamat Tahun Baru Masehi 2006 dan sama-samalah kita berdoa semoga tahun 2006 ini akan lebih baik lagi dari tahun lepas dan semoga seluruh anggota Perkhidmatan Awam akan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah serta rahmat Allah Subhannahu Wataala.

[Pengiran Dato Paduka Haji Abd Hamid bin Pengiran Haji Mohd Yassin]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: 1 JPM/SK/2006
Tarikh: 03 Zulhijah 1426
03 Januari 2006